



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(Chief Executive officer)
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA
(Malaysian Qualifications Agency)
TINGKAT 14B, MENARA PKNS-PJ,
NO. 17, JALAN YONG SHOOK LIN,
46050 PETALING JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

Tel. No. 603-7968 7002
603-7968 7011
Fax. No. 603-7956 9496
603-7954 9215
Website www.mqa.gov.my

Rujukan kami : MQA 07 Jld.3 (28)

Tarikh : 24 Mei 2010

SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI

Tuan,

PENANGGUHAN PEMAKAIAN PEKELILING MQA BIL. 1/2009 BERKAITAN KELAYAKAN MASUK DIPLOMA BIDANG SAINS PERUBATAN DAN KESIHATAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Ekoran rayuan yang diterima daripada beberapa pihak yang meminta lebih masa untuk membuat persiapan, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah bersetuju agar pemakaian kelayakan masuk diploma bagi bidang Sains Perubatan dan Kesihatan seperti ditetapkan melalui Pekeliling MQA Bil.1/2009 adalah ditangguhkan ke satu tarikh yang akan ditentukan kelak. Penangguhan ini tidak melibatkan kelayakan masuk Diploma Kejururawatan.

3. Sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk mengimbas semula bahawa proses pembangunan, pengesahan dan kelulusan terhadap Standard Program bagi Bidang Sains Perubatan dan Kesihatan telah dilaksanakan dengan teliti dan dengan konsultasi yang menyeluruh bagi memastikan ianya memenuhi keperluan kualiti pendidikan tinggi bidang tersebut. Pembangunan standard telah dilaksanakan oleh satu panel pakar yang mewakili sub bidang utama Sains Kesihatan dan turut dianggotai oleh dua wakil Kementerian Kesihatan Malaysia. Panel tersebut telah menjalankan tugas mereka selama sembilan bulan mulai Jun 2008 hingga Mac 2009. Satu bengkel dengan pihak berkepentingan yang turut dihadiri wakil-wakil Institusi Pengajian Tinggi berkaitan telah diadakan pada 5 dan 6 Mac 2009 bagi mendapatkan persetujuan bersama terhadap standard tersebut. Standard yang telah dipersetujui kemudiannya telah dibincangkan dan diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Agensi Kelayakan Malaysia pada 28 April 2009 dan Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Dasar Kementerian Pengajian Tinggi pada 27 Januari 2010. Standard tersebut boleh dirujuk dengan melayari <http://www.mqa.gov.my/en/garis panduan.cfm>.

(Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung)

4. Sebarang maklumat lanjut mengenai perkara ini boleh diperolehi dengan menghubungi En. Mohd Khairul Nizam Ibrahim (03-79687055 / nizam@mqa.gov.my) atau En. Abdul Saman Taip (03-79684057 / saman@mqa.gov.my).

Sekian, terima kasih

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
Yang ikhlas,

(DATO' DR. SYED AHMAD HUSSEIN)
Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia

s.k.

- 1 YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin
Menteri Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
Aras 7, Blok E3, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62505 PUTRAJAYA
2. YBhg Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
Aras 6, Blok E3, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62505 PUTRAJAYA
3. YBhg Datin Prof Ir Dr Siti Hamisah Tapsir
Timbalan Ketua Pengarah (IPTS)
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
Aras 5, Blok 1, Menara PJH,
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA